



Malay

taip untuk carian

AM

Kompleks Sukan Berprestasi Tinggi Bakal Dibina Di Putrajaya

🕒 25/04/2025 08:56 PM



Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa menyampaikan ucapan pada Majlis Penyampaian Bantuan Madani Kepada Badan Sukan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

PUTRAJAYA, 25 April (Bernama) -- Kompleks Sukan Putrajaya bakal dibina bagi memantapkan aspek pembangunan atlet Wilayah Persekutuan, sekali gus berupaya memperkukuh ekosistem sukan negara.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa berkata cadangan untuk membina kompleks berkenaan diterima baik oleh Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau berkata ketika ini, pihaknya bersama pemegang taruh dan pihak berkepentingan sedang mengadakan perbincangan bagi menayagakan pembinaan kompleks sukan itu yang dijadualkan di

"Kita memikirkan tentang perkara ini (pembinaan kompleks) selepas kita balik dari Sukma Sarawak tempoh hari, kita melihat prestasi atlet-atlet di Wilayah Persekutuan ini amat memberangsangkan.

"Jadi, rentetan daripada itu, kita berbincang di peringkat pengurusan tertinggi dan kita datang dengan idea untuk mendirikan Kompleks Sukan dan Putrajaya adalah tempat yang sangat sesuai," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Majlis Penyampaian Bantuan MADANI berjumlah RM278,000 kepada 77 badan sukan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya di sini hari ini.

Zaliha berkata pembinaan kompleks berkenaan memfokuskan kepada sukan berprestasi tinggi dan berupaya membantu setiap atlet Wilayah Persekutuan serta negara.

Beliau berkata aspek kemudahan atau fasiliti yang perlu ada dalam kompleks berkenaan sedang diperhalusi dengan beberapa pemegang taruh dalam bidang sukan.

"Kita akan duduk sekali dengan Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) Jabatan Perdana Menteri dan berbincang perkara seterusnya (mengenai aspek pembinaan kompleks)," katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, Zaliha berkata beliau mengarahkan Majlis Sukan Wilayah Persekutuan untuk memperkenalkan sistem penarafan bintang bagi badan-badan sukan di Wilayah Persekutuan untuk memastikan pengurusan pada tahap terbaik.

Antara elemen yang boleh dinilai dalam penarafan itu, termasuklah pengurusan dokumen dan tatakelola, kecekapan pengurusan kewangan dan juga kejayaan serta pencapaian badan sukan itu di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

"Insya-Allah, saya yakin dengan adanya sistem penarafan ini, badan-badan sukan akan lebih berdaya saing, berdisiplin dan berwibawa dalam memastikan urus tadbir yang terbaik dalam usaha memastikan prestasi di Wilayah Persekutuan ini terus

-- BERNAMA

BERNAMA menyediakan informasi dan berita terkini yang sahih dan komprehensif yang disebarkan melalui Wires BERNAMA; www.bernama.com; BERNAMA TV di saluran Astro 502, unifi TV 631 dan MYTV 121 dan Radio BERNAMA di frekuensi FM93.9 (Lembah Klang), FM107.5 (Johor Bahru), FM107.9 (Kota Kinabalu) dan FM100.9 (Kuching).

Ikuti kami di media sosial :

Facebook : [@bernamaofficial](#), [@bernamatv](#), [@bernamaradio](#)

Twitter : [@bernama.com](#), [@BernamaTV](#), [@bernamaradio](#)

Instagram : [@bernamaofficial](#), [@bernamatvofficial](#), [@bernamaradioofficial](#)

TikTok : [@bernamaofficial](#)

KATA KUNCI

zaliha

kompleks

putrajaya

atlet

sukan

presint 13

BERITA BERKAITAN



Keputusan Pemilihan Cabang PKR Dimuktamad Selewat-lewatnya 5 Mei - Dr Zaliha

🕒 1hari lalu



Status Bantahan Beberapa Cabang PKR Diumum Minggu Depan - Dr Zaliha

🕒 3hari lalu



Kejuaraan Silat Pantai Labuan 2025 Catat Rekod Penyertaan, Rangsang Pelancongan Tempatan

🕒 3hari lalu

LAGI BERITA



Penyiapan ECRL Tingkat Pembangunan Pantai Timur, Tarik Lebih Banyak Pelaburan Dari China

🕒 14minit lalu



KPTM Gua Musang Dibuka Semula, Fokus Kursus Berasaskan Industri - TPM Ahmad Zahid

🕒 16minit lalu



48 Tan Beras Perpatih Setiap Bulan, Beri Manfaat 2,500 Rakyat Di Negeri Sembilan

🕒 23minit lalu



Pertubuhan Berita Nasional Malaysia

Wisma BERNAMA

No 28, Jalan BERNAMA

50400 Kuala Lumpur
Malaysia

☎ [klik di sini]

✉ helpdesk[at]bernama.com



Kategori

- Am
- BernamaBiz
- Sukan
- Gaya Hidup
- Politik
- Dunia
- Infografik
- Video
- Siaran Media Eksklusif
- Arkib

Laman Mikro

- Ramadan 1446H
- ASEAN 2025
- Fokus BERNAMA
- Tinta Minda
- MAPO
- MyCheck
- MCMC

Wilayah

- Tengah
- Utara
- Selatan
- Timur
- Sabah
- Sarawak

Tentang BERNAMA

- Laman Korporat
- Hubungi Kami
- Perkhidmatan BERNAMA
- Kerjaya@BERNAMA
- Sebut Harga / Tender
- Maklum Balas Pelanggan 2025

© 2025 BERNAMA • Penafian • Dasar Privasi • Dasar Keselamatan